

12 AUG 1997

KETUA MENTERI ANDHRA HARAP PROTON BUKA KILANG DI NEGERINYA

NEW DELHI, 12 Ogos (Bernama) -- Ketua menteri Andhra Pradesh, Chandrababu Naidu, yang melawat Malaysia dan Singapura baru-baru ini, berharap Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) akan membina sebuah kilang di Andhra Pradesh.

Proton menghantar sepasukan pegawainya ke negeri itu bulan lalu, dan dijangka akan menghantar satu pasukan lagi, iaitu pasukan teknikal, untuk meninjau tempat sebenar bagi penubuhan kilang itu, beliau dipetik oleh harian perniagaan, Financial Express, hari ini.

Di India, pasukan Proton telah melawat Punjab, Mumbai (Bombay), Hyderabad, Chennai (Madras), Visakhapatna dan Hyderabad. Dua bandar terakhir terletak di Andhra Pradesh.

Mengenai lawatannya ke Malaysia, ketua menteri itu berkata: "Selepas saya menemui Perdana Menteri (Datuk Seri) Dr Mahathir Mohamad, kabinet Malaysia mengambil keputusan pada keesokan harinya untuk menempatkan unit kilang Proton di Andhra Pradesh."

Menyentuh memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani semasa lawatannya itu, Naidu berkata bahawa rundingan susulan telahpun dijalankan untuk memutuskan cara paling baik membabitkan kedua-dua negara dalam pembangunan Andhra Pradesh.

"Saya memberikan penekanan kepada pembangunan prasarana. Ini termasuk kuasa (elektrik), pelabuhan, jalan dan telekomunikasi.

"Selain itu, saya ingin mempersiapkan negeri ini untuk zaman maklumat. Saya ingin melihat banyak pembangunan dalam kegiatan berkaitan teknologi maklumat," katanya. -- BERNAMA

MP SS/sia